

15/11/1999

Ramai calon baru di Selangor

Mohd Fadzil Abd Aziz

KUALA LUMPUR, Ahad - Umno Selangor akan menampilkan antara 20 hingga 30 peratus muka baru sebagai calon pilihan raya umum kali ini berikutan beberapa muka lama tidak dicalonkan atas faktor kesihatan dan masalah tertentu.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata penampilan muka baru adalah amalan biasa bagi Umno dan Barisan Nasional (BN), di samping mengekalkan orang lama bagi membentuk kerajaan yang mantap.

"Biasanya kita kemukakan calon baru untuk memberi peluang kepada orang muda dan berkecambah berkhidmat kepada masyarakat. Tenaga mereka jika diadunkan dengan orang lama yang berpengalaman akan membentuk pasukan yang kuat.

"Senarai calon daripada semua parti komponen BN Selangor sudah siap dan akan diserahkan kepada Presiden BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk pertimbangan.

"Senarai itu akan diumumkan selewat-lewatnya sehari sebelum penamaan calon pada 20 November ini," katanya kepada pemberita selepas majlis jamuan dan konsert tadika 'The Children Cottage' di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Besar Selangor meminta muka lama yang digugurkan supaya terus berusaha dan membantu bagi memastikan kejayaan calon baru itu.

Ditanya bila senarai calon berkenaan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Abu Hassan berkata ia dijangka diserahkan pada Isnin ini.

Menjawab satu soalan berhubung kedudukannya sama ada bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen, beliau berkata perkara itu terserah kepada Presiden parti untuk menentukannya.

"Saya tidak boleh menjawab, biarlah Dr Mahathir yang membuat pengumuman itu. Saya hanya mengikut perintah dan yang paling penting sekarang saya menjalankan tugas dengan baik," katanya.

Pada pilihan raya umum lalu, BN memenangi kesemua 17 kerusi Parlimen, manakala bagi dewan undangan negeri, BN menang 45 daripada 48 kawasan yang dipertandingkan.

(END)